

Meritokrasi: PM yakin bumiputera bangkit semula

Oleh YUSRI SAHAT dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin pelajar bumiputera akan bangkit semula memperhatikan prestasi setanding dengan kaum lain apabila dasar meritokrasi bagi kemasukan mereka ke universiti dilaksanakan mulai semester depan.

Menurut Perdana Menteri, menerusi dasar itu diharap mereka dapat menumpukan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan lebih baik.

Tambahan pula, kata beliau, pelajar bumiputera masih mempunyai banyak masa untuk mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan sebelum dasar itu dilaksanakan.

“Saya harap mereka dapat menumpukan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan yang baik.

“Dengan itu mereka boleh masuk ke universiti dengan kelulusan yang tinggi mengikut cara-cara meritokrasi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog sempena Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang bertema *Toleransi-Model Malaysia* di IKIM di sini hari ini.

Jumaat lalu, Dr. Mahathir ke-

tika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO berkata, kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah bumiputera termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti.

Langkah kerajaan itu bertujuan membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan berbanding pelajar bukan bumiputera.

Difahami

Dasar yang dijangka dilaksanakan semester depan itu mendapat sokongan penuh daripada Jemaah Menteri, semalam.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, kerajaan akan menjelaskan dasar meritokrasi supaya dapat difahami oleh semua pihak tidak lama lagi.

“Maksud meritokrasi itu belum kita jelaskan tetapi sedikit sebanyak ia bermakna kelulusan yang baik,” jelasnya.

Berbanding dengan sistem pemilihan pelajar pada masa ini, Perdana Menteri memberitahu, pelajar yang memperoleh kelulusan yang kurang memberangsangkan turut diberi peluang melanjutkan pengajian di universiti.

“Tidak seperti sekarang, yang

mendapat sedikit kelayakan pun boleh dapat tempat yang disediakan oleh kita,” katanya.

Langkah kerajaan memperkenalkan dasar tersebut, tegas beliau, bertujuan menyedarkan semula tanggungjawab pelajar bumiputera terhadap pelajaran.

“Kita perlu ambil tindakan untuk memperingati bahawa kalau mereka tidak berusaha, tidak ada tempat bagi mereka,” katanya.

Pelajar Melayu, menurut Perdana Menteri, diibaratkan sebagai anak yang terlalu dimanjakan oleh ibu bapanya.

“Dia buat macam-macam yang tidak baik dan kita biarkan juga fasal kita sayang sangat.

“Bila kita sayang sangat dia akan menjadi rosak kerana dia tidak tahu dunia yang sebenar,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, keistimewaan yang diberikan oleh pelajar bumiputera untuk masuk ke universiti selama ini bertujuan membantu golongan tersebut yang lazimnya kurang berkebolehan dalam bidang-bidang tertentu.

“Latar belakang mereka menyebabkan kebolehan mereka agak terhad,” katanya.

■ Lihat muka 4

bumiputera bangkit semula

Malangnya, tegas beliau, pelajar bumiputera kurang menumpukan perhatian dalam pelajaran kerana lebih berminat kepada perkara lain termasuk politik.

“Mungkin kerana dihasut sejak kecil lagi supaya tidak menumpukan kepada pelajaran tetapi tertumpu kepada sikap membenci pihak tertentu,” tegasnya.

Menjawab soalan Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Profesor Datuk Dr. Sharifah Hapsah Shabudin, katanya, kerajaan telah menjalankan pelbagai pendekatan untuk memisahkan politik daripada pelajaran.

Menurut Dr. Mahathir, ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran, arahan pernah dikeluarkan supaya gambar pemimpin kerajaan tidak digantung di kelas dan pelajar tidak dibenarkan berbaris menyambut menteri.

“Nama sekolah pun tidak dibenarkan menggunakan nama pembesar kerajaan selagi pembesar itu masih hidup,” jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, arahan itu kurang dipatuhi apabila pihak parti pembangkang mempengaruhi minda pelajar membenci pemimpin negara.

“Apabila pelajar dibebaskan daripada politik pihak lain, pihak yang lain pula yang mempengaruhi pelajar,” tegasnya.

Sebagai bukti, jelas beliau, ada guru yang mengaitkan nama-nama pemimpin kerajaan dalam soalan peperiksaan dan melukis logo parti pembangkang dalam pelajaran lukisan.

Kepada pertanyaan lain, Dr. Mahathir berkata, meritokrasi akan dilaksanakan di negara ini secara berperingkat-peringkat dan cadangan menggunakannya bagi kemasukan pelajar ke universiti awam adalah langkah pertama.

Katanya, pelaksanaan sistem itu akan dibuat mengikut sukatan yang sesuai kerana ia merupakan langkah pembetulan.

Beliau menjelaskan pendekatan secara bertahap-tahap perlu digunakan kerana tidak semua orang dapat menerima jika kerajaan terus melaksanakan meritokrasi secara menyeluruh di negara ini.

Ketika ditemui pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak fikir Pergerakan Pemuda UMNO tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi terhadap pelajar bumiputera.

“Mereka cuma tidak faham mengenainya. Sayangnya, (Ketua Pergerakan Pemuda UMNO), Datuk Hishammuddin (Tun Hussein) tidak hadir pada mesyuarat MT UMNO yang membuat keputusan mengenai dasar ini.

“Dan semalam beliau menghadiri mesyuarat kabinet (yang menyokong pelaksanaan dasar meritokrasi)” katanya.